

SULIT



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

NAMA

KELAS



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG MAJLIS
PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH PULAU PINANG**

1249/1
SEJARAH
Kertas 1

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **SATU** jawapan sahaja.*
4. ***HITAMKAN** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak.
1249/1@2026 Hak Cipta Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

1249/1
SULIT

{Lihat halaman sebelah

Jawab semua soalan

1 Mengapakah kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mewujudkan jawatan syahbandar?

- A Melaksanakan protokol di istana
- B Mengetuai hubungan diplomatik
- C Mengawal keamanan negeri
- D Mengutip cukai di pelabuhan

2 Pernyataan berikut merujuk kepada maksud ialah.

Kecelakaan yang menimpa seseorang

Apakah sebab seseorang itu ditimpa tulah?

- A Menipu dalam perniagaan
- B Menderhaka kepada raja
- C Melakukan pembunuhan
- D Melanggar arahan pembesar

3 Mengapakah isu kasut membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Burma?

- A Mempertahankan industri tradisional
- B Mempertahankan kesucian agama
- C Melindungi kepentingan rakyat
- D Menjaga hak pembesar

4 Berikut merupakan sebuah karya Raden Adjeng Kartini.

Habis Gelap Terbitlah Terang

Karya tersebut menyentuh tentang

- A kepesatan kegiatan ekonomi
- B penindasan terhadap rakyat
- C ancaman oleh kaum imigran
- D kelemahan sistem pentadbiran

- 5 Maklumat berikut ialah slogan yang digunakan oleh Jepun di negara kita.

“Asia untuk Orang Asia”

Apakah matlamat yang hendak dicapai oleh Jepun dengan menggunakan slogan tersebut?

- I Menonjolkan imej Jepun
 - II Menanamkan semangat antipenjajah Barat
 - III Membawa kemajuan kepada Tanah Melayu
 - IV Memajukan ekonomi penduduk tempatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 6 Siapakah pemimpin yang melancarkan Pemberontakan Jesselton (*Double Tenth*) di Sabah?
- A Albert Kwok
B Gurchan Singh
C Tengku Noordin
D Datu Mustapha Datu Harun
- 7 Maklumat berikut berkaitan British Military Administration (BMA).

Walaupun BMA berusaha memulihkan keamanan, namun rakyat hampa dengan ketidakupayaan BMA menangani masalah yang dihadapi oleh mereka.

Apakah iktibar yang anda peroleh daripada pernyataan tersebut?

- I Perlu menghormati British
 - II Sentiasa bersikap waspada
 - III Tidak mudah percaya kepada kuasa asing
 - IV Kepentingan rakyat mendukung sikap anti-British
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 8 Mengapakah orang Melayu menentang pelaksanaan Malayan Union?
- A Kewarganegaraan secara *jus soli*
B Mengancam keselamatan rakyat
C Kehilangan penguasaan ekonomi
D Mendapat desakan golongan radikal


- 9 Apakah bukti Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu?
- A Memilih ahli Majlis Mesyuarat Negeri
 - B Mengesahkan rang undang-undang
 - C Menjadi anggota Lembaga Pengampunan
 - D Memberi kebenaran perubahan sempadan
- 10 Apakah manfaat Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 kepada orang bukan Melayu?
- A Memonopoli sumber ekonomi
 - B Menguasai bidang pentadbiran
 - C Mendapat kedudukan istimewa
 - D Membuka ruang kewarganegaraan
- 11 Sir Gerald Templer merupakan Pesuruhjaya Tinggi British yang melaksanakan rancangan Perang Saraf. Bagaimanakah beliau melaksanakan rancangan tersebut?
- A Memenangi hati rakyat
 - B Menekan penjajah barat
 - C Mengeratkan perpaduan kaum
 - D Melemahkan pergerakan komunis
- 12 Maklumat berikut mengenai kelonggaran syarat kewarganegaraan Tanah Melayu.

Peningkatan Jumlah Warganegara	
Kaum	Orang
Cina	1 200 000
India	180 000

- Apakah kesan daripada kelonggaran syarat tersebut?
- A Melicinkan pentadbiran
 - B Mewujudkan perpaduan
 - C Menyebabkan penderitaan
 - D Mempertahankan keselamatan
- 13 Apakah slogan kemerdekaan yang dilaungkan oleh Angkatan Pemuda Insaf (API)?
- A Merdeka
 - B Melayu Raya
 - C Hidup Melayu
 - D Merdeka dengan Darah

- 14 Antara pilihan berikut yang manakah berkaitan dengan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956?
- I Pendidikan sivik diwujudkan
 - II Pengenalan sekolah pelbagai jurusan
 - III Pelaksanaan kurikulum yang seragam
 - IV Penggunaan sistem persekolahan yang sama
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 15 Pada tahun 1954, Parti Perikatan UMNO-MCA telah memenangi 226 kerusi dalam pilihan raya peringkat negeri. Apakah faktor yang membawa kemenangan tersebut?
- A Kerjasama antara kaum
 - B Kebijaksanaan pemimpin
 - C Strategi kempen berkesan
 - D Sokongan Raja-raja Melayu
- 16 Sebagai Menteri Buruh, V.T. Sambanthan ditugaskan untuk menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan. Bagaimanakah beliau melaksanakan tugasnya?
- A Membawa masuk buruh asing
 - B Meningkatkan mutu perkhidmatan awam
 - C Mewujudkan Jabatan Perkhidmatan Awam Negara
 - D Mengurangkan pegawai Eropah secara berperingkat
- 17 Apakah kepentingan Rundingan London 1956 terhadap Persekutuan Tanah Melayu?
- A Melaksanakan pilihan raya
 - B Merintis jalan ke arah kemerdekaan
 - C Mengiktiraf kewarganegaraan jus soli
 - D Menandatangani perjanjian persahabatan

- 18 Gambar berikut menunjukkan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sedang diarak ke Banda Hilir, Melaka pada Februari 1956.



- Apakah tujuan Tunku hadir ke majlis tersebut?
- A Menerima lantikan Ketua Menteri
 B Mengumumkan tarikh kemerdekaan
 C Menyambut kedatangan pemimpin luar
 D Mengisytiharkan Persekutuan Tanah Melayu
- 19 Apakah takrifan kemerdekaan menurut Kamus Dewan?
- A Patriotisme
 B Perjuangan tokoh
 C Berkorban untuk negara
 D Bebas daripada penjajahan
- 20 Mengapakah bendera Union Jack diturunkan oleh Tahir Abdul Majid pada 31 Ogos 1957?
- A Berakhirnya Pentadbiran British
 B Pengamalan amalan demokrasi
 C Perpisahan Negeri-negeri Selat
 D Kegagalan Malayan Union
- 21 Berikut merupakan ciri negara yang berdaulat.

Perundangan	Memelihara kesejahteraan
	X
	Melindungi rakyat

Apakah **X**?

- A Menjamin keadilan
 B Membina identiti negara
 C Menjamin kemakmuran ekonomi
 D Memudahkan urusan pemerintahan

- 22 Apakah peranan rakyat dalam memastikan perpaduan tercapai?
- I Menggubal undang-undang
 - II Menjalinkan hubungan diplomatik
 - III Menggunakan bahasa kebangsaan
 - IV Menghormati agama lain
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 British telah memperkenalkan *Charter of Justice* di Negeri-negeri Selat pada abad ke-19. Mengapakah British memperkenalkan *Charter of Justice* tersebut?
- A Mengawal keganasan komunis
 - B Mempelbagai kegiatan ekonomi
 - C Melindungi penduduk dari ketidakadilan
 - D Menghalang campur tangan kuasa asing
- 24 Mengapakah pindaan perlembagaan negara dilakukan pada tahun 1965?
- A Menjamin autonomi Sarawak
 - B Pemisahan Singapura
 - C Melindungi bahasa kebangsaan
 - D Pengasingan kuasa pemerintahan
- 25 Sistem pentadbiran negara kita berteraskan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Bagaimanakah untuk memastikan sistem pentadbiran tersebut berjalan dengan lancar?
- A Mengukuhkan kuasa budi bicara raja
 - B Melahirkan kerjasama politik antara kaum
 - C Membentuk sistem hierarki dalam pentadbiran
 - D Mewujudkan mekanisme semak dan imbang
- 26 Apakah kuasa budi bicara raja mengikut Perlembagaan Persekutuan?
- A Menggubal dasar negara kita
 - B Ketua tertinggi Angkatan Tentera Malaysia
 - C Tidak memperkenalkan pembubaran DUN
 - D Bertanggungjawab mengisytiharkan darurat

- 27 Mengapakah wujud penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?
- I Membuktikan kepentingan amalan bermusyawarah
 - II Memupuk semangat muhibah dalam kalangan negeri
 - III Memastikan keadilan undang-undang dapat ditegakkan
 - IV Menjamin sistem Persekutuan beroperasi dengan berkesan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 28 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan penubuhan Majlis Negara untuk menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri. Apakah majlis tersebut?
- A Majlis Kewangan Negara
 - B Majlis Perhutanan Negara
 - C Majlis Perumahan Negara
 - D Majlis Sumber dan Mineral Negara
- 29 Singapura menunjukkan minat untuk bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu sejak tahun 1950-an lagi. Mengapakah Singapura berminat dengan penggabungan tersebut?
- A Memberi kerakyatan kepada orang dagang
 - B Mengurangkan perasaan perkauman
 - C Mengatasi ancaman komunis
 - D Mempertahankan sistem monarki
- 30 Mengapakah British menyokong pembentukan Persekutuan Malaysia?
- I Dapat menghalang kemasukan imigran
 - II Mampu membendung pengaruh komunis
 - III Memperkukuh pertahanan dan keselamatan
 - IV Boleh mengekalkan sistem pemerintahan beraja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan cabaran pemisahan Singapura daripada Malaysia.

- Tuntutan pasaran bersama
- Cukai tambahan terhadap Singapura
- Faedah pinjaman RM150 juta

Mengapakah cabaran tersebut terjadi?

- A Hasutan kuasa asing
- B Provokasi parti komunis
- C Kemunculan golongan radikal
- D Kegagalan rundingan

- 32 Petikan berikut berkaitan ancaman komunis di Asia Tenggara.

Menurut Teori Domino yang berpengaruh dalam politik Asia Tenggara pada tahun 1960-an, komunis sudah bertapak di Indo-China dan akan menguasai negara-negara lain di Asia Tenggara.

Sumber : Sejarah Malaysia 1800-1963
Mohd Isa Othman

Apakah tindakan pemimpin kita untuk mengatasi ancaman tersebut?

- A Menyokong pembentukan Melayu Raya
- B Memeterai perjanjian sempadan
- C Menyekat kemasukan imigran
- D Meminda perlembagaan

- 33 Apakah yang mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan pada tahun 1967?

- A Penubuhan Universiti Malaya
- B Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan
- C Pembinaan sekolah teknik dan vokasional
- D Penggunaan bahasa Melayu dalam perniagaan

- 34 Slogan tersebut telah dilancarkan pada tahun 1960.



Apakah kepentingan slogan tersebut?

- A Mengukuhkan semangat bahasa kenegerian
- B Mengukuhkan taat setia kepada raja dan negara
- C Mengukuhkan negara bangsa yang berjiwa patriotik
- D Mengukuhkan pembinaan masyarakat bersatu padu

- 35 Maklumat berikut pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Penurunan Kadar Kemiskinan

Bagaimanakah strategi tersebut dilaksanakan oleh kerajaan?

- I Membuka peluang pekerjaan
 - II Menyediakan rumah mampu milik
 - III Meningkatkan pengeluaran negara
 - IV Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 36 Senarai berikut berkaitan dengan industri kereta dan motosikal buatan Malaysia

- PROTON
- PERODUA
- MODENAS

Apakah kesan pertumbuhan industri tersebut kepada negara?

- A Memajukan bandar terancang
- B Melahirkan golongan korporat
- C Meningkatkan pendapatan rakyat
- D Mengukuhkan pelaburan negara

37. Apakah matlamat penggubalan dasar luar Malaysia?

- A Mengukuhkan ikatan sejarah
- B Melindungi kepentingan nasional
- C Membentuk kebolehan pemimpin
- D Mendukung Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

- 38 Bagaimanakah perluasan pengaruh komunis di Indochina memberi kesan terhadap Malaysia?
- A Kemerosotan nilai mata wang
 - B Kejatuhan sistem demokrasi
 - C Kebanjiran pendatang asing
 - D Keruntuhan institusi beraja
- 39 Mengapakah Malaysia menjadi lokasi transit bagi pemerdagangan orang ke negara lain?
- A Kerjasama penduduk tempatan
 - B Kelonggaran syarat imigresen
 - C Kemasukan pelancong asing
 - D Kedudukan strategik
- 40 Bagaimanakah rakyat Malaysia menyatakan sokongan padu terhadap perjuangan rakyat Palestin?
- I Menyalurkan bantuan kemanusiaan
 - II Mewujudkan tabung sumbangan
 - III Meminta bantuan kuasa dunia
 - IV Menghantar pasukan tentera
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT